

## **Meneroka penggunaan teknik flipped classroom dalam pengajaran kemahiran menulis**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan guru terhadap penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dengan menggunakan bentuk kajian kualitatif secara kajian kes pelbagai tempat. Tiga orang guru Bahasa Melayu telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Data diperolehi dengan menggunakan teknik temu bual mendalam. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan bagi mendapatkan pemahaman mendalam dan terperinci tentang fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini, proses mengumpul data sebenarnya adalah berjalan serentak dengan proses menganalisis data. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berhadapan dengan masalah kehilangan beberapa maklumat penting atas kecuaiian penyelidik kerana terdapat lambakan data semasa proses penganalisis data dijalankan. Setelah selesai sesi temu bual dengan responden, penyelidik mendengar semula rakaman temu bual dan ditranskripsikan dengan cukup teliti. Setelah selesai sesi transkripan data temu bual, maka penyelidik memberi salinan temu bual secara bercetak sebagai pengesahan daripada responden sebelum penulisan dapatan kajian dijalankan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan teknik flipped classroom ini boleh memberi kesan yang baik terhadap hasil penulisan murid. Teknik sebegini patut dilaksanakan kerana dapat membantu guru untuk melancarkan proses pengajaran dan memudahkan pemahaman murid terhadap mengarang. Namun guru harus melihat kepada keadaan dan kemampuan murid dan harus disesuaikan dengan melihat kepada aspek kecerdasan dan prestasi murid, guru, kemudahan di sekolah, kebolehaksesan murid terhadap teknologi, peranan ibubapa dan masyarakat.

**Kata kunci:** Menulis; Flipped classroom; Pengajaran; Rangsangan; Kecerdasan; Pembelajaran; Teknik